

Perlaksanaan Pusat Bekalan Makanan di Masjid: Pengalaman Lembaga Zakat Negeri Kedah

The Implementation of Food Bank Centre at Mosques: Zakat Kedah Board Experienced

Zakaria Othman¹
Mohd Faisal Mustaffa²
Abdul Hadi Abdul Majid³

^{1,2,3} Lembaga Zakat Negeri Kedah, Menara Zakat, Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah

*Corresponding author (Email: faisal@zakatkedah.com)

Diterima: 1 Februari 2019, Diproses: 15 Februari 2019, Diterbitkan: 3 Mac 2019.

Abstrak: Perlaksanaan Pusat Bekalan Makanan asnaf fakir dan miskin berpusat di masjid-masjid di Negeri Kedah Darul Aman merupakan salah satu langkah proaktif Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) membantu golongan fakir dan miskin mendapat bantuan bekalan yang secukupnya. Seringkali dimainkan dimedia sosial berkaitan dengan golongan fakir dan miskin lebih mudah mendapatkan bantuan makanan dirumah ibadat agama lain berbanding masjid. Bagi mengatasi masalah ini, pihak LZNK mewujudkan Pusat Bekalan Makanan Asnaf Fakir dan Miskin dengan serampang dua mata dimana melalui strategi ini golongan asnaf mendapat manfaat dan dalam pada masa yang sama peranan masjid juga dapat diperkasakan. Artikel ini bertujuan berkongsi pengalaman serta strategi yang digunakan bagi menguruskan pusat bekalan makanan yang dilaksanakan oleh LZNK supaya dapat diambil manfaat oleh agensi mengurus zakat yang lain. Kewujudan pusat bekalan makanan ini amat penting sebagai strategi serampang dua mata untuk membantu golongan asnaf serta menangkis tanggapan negatif terhadap institusi agama yang dilabel sebagai tidak cakna masyarakat.

Kata Kunci: Pusat Bekalan Makanan, LZNK, Food Bank, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Masjid

Abstract: *The implementation of food bank centre at mosques in Kedah Darul Aman is one of the proactive steps by Kedah Zakat Board (LZNK) to help the needy and poor access to sufficient supplies of food. Social media often shown the needy and poor is easier to get food at other religious prayer home compared to mosques. To overcome this problem, the LZNK created the needy and poor of Food Bank Centre. Through this strategy, the needy and poor will get access to food meanwhile the role of mosque also can strengthen. This article aims to share how Zakat Kedah Board managed the food bank centre. The existence of food bank centre is very important as its two-ways strategy to help the needy and poor also remove stakeholders' negative perceptions towards religious institutions.*

Keywords: *Food Supply Center, LZNK, Food Bank, Kedah State Zakat Board, Mosque*

PENGENALAN

Makanan merupakan keperluan asasi utama kehidupan manusia bagi tujuan menjana tenaga, kekuatan kesihatan dan sebagainya (Syed Sabiq 1985). Dari sudut matlamat syariah (*maqasid syariah*) keperluan kepada makanan adalah bersifat kepentingan asasi (*dharuririyat*) kerana tanpa makanan manusia tidak dapat menjalani kehidupan dengan sempurna serta boleh membawa kepada kematian (Sarimah Hanim, A.S 2005; Paizah, I 2003).

Walaupun makanan merupakan keperluan asas yang paling penting, tetapi terdapat sesetengah golongan tidak mendapat peluang untuk mendapatkan makanan untuk dimakan dan disimpan sebagai stok untuk memenuhi keperluan seharian (Ayalew, M 1998; Chisholm, A & Rodyney T 1982). Bagi memastikan golongan ini mendapat bantuan makanan yang secukupnya, muncul idea penubuhan Bank Makanan (Food Bank) untuk memastikan golongan tidak berkemampuan mendapat makanan ketika saat memerlukan disebabkan oleh bencana atau kemiskinan (Riches, 1986).

Dalam sejarah Islam, sebuah pusat bagi tujuan mengumpul makanan serta harta benda negara diwujudkan seawal pemerintahan Baginda Nabi S.A.W di Madinah yang dikenali sebagai Baitulmal. Baitulmal berfungsi menghimpun pelbagai hasil negara termasuk kutipan zakat berbentuk bahan makanan seperti tamar dan gandum daripada kalangan golongan kaya untuk diagihkan kepada golongan miskin (Mahayudin, Y 2003).

Pada zaman tersebut, apabila tiba musim menuai buah tamar maka para pengutip zakat akan mengunjungi pekebun tamar tersebut bagi tujuan mengutip zakat. Buah tamar yang dikutip akan dikumpulkan di Baitulmal dan seterusnya akan diagihkan kepada lapan golongan asnaf yang berhak terutamanya fakir dan miskin yang memerlukan. Di dalam hal ini, Allah S.W.T menegur dalam kalangan masyarakat muslimin yang memberikan hasil yang kurang elok kepada pengutip zakat untuk diagihkan kepada golongan asnaf seperti firman Allah S.W.T dalam Tafsir Ibnu Kathir (Ibnu Kathir 2010) :

“Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya, lalu kamu nafkahkan padahal kamu sendiri tidak akan mengambilnya, kecuali memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.”

(Al Baqarah: Ayat 267)

Zakat atau sedekah yang dikeluarkan oleh kaum muslimin ini bertujuan memastikan golongan penerima terutamanya fakir dan miskin mendapat jaminan untuk terus mendapat bekalan makanan terbaik hasil pemberian golongan kaya bagi meneruskan kehidupan mereka. Menjadi tanggungjawab golongan kaya untuk berkongsi lebih harta yang dimiliki melalui zakat yang ditunaikan bagi tujuan membela nasib orang fakir dan miskin sebagaimana sabda Nabi S.A.W:

“Sesungguhnya Allah S.W.T mewajibkan (zakat) ke atas harta orang kaya dari kaum muslimin dengan satu kadar yang boleh memberi jaminan kepada orang fakir dalam kalangan mereka. Tidak akan ada orang-orang fakir yang kelaparan dan ketakutan (tidak mendapat makanan) melainkan disebabkan oleh tangan-tangan orang kaya dalam kalangan mereka. Sesungguhnya Allah S.W.T menghisab hambanya dengan hisab yang amat pedih”.

(Hadis Riwayat Al Tabrani) (Al Tabrani, S.A 1894)

Pada zaman Saidina Umar Al Khattab, sebuah pusat penyimpanan makanan diwujudkan yang dinamakan sebagai “*Dar Ad Daqiq*” yang berperanan menyimpan stok makanan seperti gandum, kurma, kismis dan sebagainya. Stok makanan ini adalah bertujuan membantu golongan yang terputus bekalan makanan dalam perjalanan pada zaman itu (Al Shallabi, A.M 2010).

Menurut Amy, S (2005), di Turki pada zaman pemerintahan khalifah Turki Uthmaniyyah, terdapat pusat penyediaan bantuan makanan yang dikenali sebagai *imaret* atau bermaksud Dapur Umum. Operasi Dapur Umum ini yang menggunakan dana wakaf. Dapur Umum ini menyediakan makanan untuk golongan fakir dan miskin, ahli sufi serta golongan pekerja yang memerlukan. Melalui dana wakaf yang dikumpul juga, pada zaman moden ini Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) berjaya membantu golongan fakir dan miskin serta golongan yang memerlukan makanan mendapatkan makanan dan minuman secara percuma (Abdul Halim, R. & Kamarulzaman, S 2006).

Zuraidah. H (2012) menyatakan bahawa terdapat pelbagai sumber yang boleh digunakan di dalam Islam seperti wakaf, sedekah, infak dan zakat bagi tujuan penubuhan Bank Makanan. Walaubagaimanapun, penggunaan dana zakat menyebabkan agihan makanan akan menjadi terhad kerana hanya boleh diagihkan kepada golongan asnaf sahaja.

Amalan memberikan bantuan makanan bulanan juga telah dilaksanakan oleh kebanyakan agensi zakat di Malaysia termasuk LZNK sebelum ini (Utusan, 2016). Namun begitu, mulai tahun 2018 pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah telah memansuhkan bantuan bulanan digantikan dengan bantuan kewangan bulanan, manakala bantuan makanan adalah melalui Pusat Bekalan Makanan yang diwujudkan disetiap masjid di Negeri Kedah Darul Aman.

PUSAT BEKALAN MAKANAN LZNK

LZNK telah mewujudkan Pusat Bekalan Makanan bagi memastikan seluruh penduduk Negeri Kedah yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan makanan apabila memerlukan. Peranan Pusat Bekalan Makanan ini menyamai konsep Bank Makanan (Food Bank) dimana pihak LZNK menggunakan dana zakat bagi tujuan penyediaan bekalan makanan untuk diagihkan kepada golongan yang tidak mempunyai kecukupan makanan khususnya dalam kalangan asnaf.

Sumber Dana

Pusat Bekalan Makanan ini beroperasi menggunakan agihan wang zakat dibawah asnaf fakir dan miskin. Pada tahun 2018, LZNK memperuntukkan sebanyak RM 1,965,452.00 bagi tujuan penubuhan projek pusat bekalan ini.

Jenis Bekalan Makanan

Terdapat lapan jenis bekalan makanan yang diedarkan oleh LZNK. Antara jenis barangan tersebut meliputi beras, gula, minyak, teh, biskut, sardin, kicap dan sos. Tujuan barangan tersebut dipilih adalah berdasarkan kepada sifatnya yang tahan lama dan tidak mudah rosak. Justeru, barangan ini akan terjamin kualitinya kerana proses penghantaran kepada pihak masjid dan seterusnya agihan kepada golongan asnaf fakir dan miskin memerlukan tempoh yang lama.

Jadual 1. Bilangan Pusat Bekalan Makanan

Bil	Jenis Makanan
1	Beras
2	Gula
3	Minyak
4	Teh
5	Biskut
6	Sardin
7	Kicap
8	Sos

(Sumber Jabatan Agihan, Lembaga Zakat Negeri Kedah)

Jadual 1.1 menunjukkan bilangan jenis makanan yang diberikan oleh LZNK. Setiap penerima yang terpilih akan mendapat satu set bekalan pada bulan semasa. Sekiranya bekalan tersebut tidak dapat menampung keperluan semasa keluarga, penerima boleh membuat permohonan semula melalui pihak masjid. Walaubagaimanapun, setiap penerima boleh mengambil setakat mana barangan yang diperlukan sahaja. Hal ini bertujuan untuk memberi peluang kepada asnaf lain yang lebih memerlukan berbanding mereka.

Golongan yang terputus bekalan makanan boleh mendapatkan satu set bekalan makanan di masjid terdekat pada setiap bulan dan sekiranya tidak mencukupi atas pertimbangan pihak masjid penerima boleh memohon penambahan bekalan makanan sehingga cukup untuk menampung makanan mereka sekeluarga.

Kelapan-lapan item ini bagaimana pun tidak wajib diambil oleh penerima. Sekiranya penerima hanya memerlukan beras, penerima hanya boleh mengambil beras sahaja untuk memenuhi keperluan mereka.

Kaedah Penyimpanan Makanan

Stor Pusat Bekalan Makanan diwujudkan disetiap daerah yang ditetapkan. Tujuan penubuhan stor ini adalah sebagai tempat penyimpanan stok dari pembekal sebelum ianya diagihkan kepada masjid. Setiap pusat penyimpanan mewakili tujuh daerah yang berbeza. Berdasarkan Jadual 2, Daerah Baling mencatatkan bilangan pusat paling tinggi iaitu sebanyak 13 buah pusat yang menaungi 66 buah masjid, Daerah Pokok Sena, Daerah Yan, dan Daerah Langkawi masing-masing 8 buah pusat dan paling rendah adalah Daerah Sik sebanyak 7 buah pusat.

Jadual 2. Bilangan Pusat Bekalan Makanan

Daerah	Bilangan Pusat	Bilangan Masjid
Baling	13	66
Sik	7	30
Padang Terap	9	34
Yan	8	34
Bandar Baharu	5	16
Langkawi	8	29
Pokok Sena	8	31
Jumlah Besar	58	240

(Sumber: Jabatan Agihan, Lembaga Zakat Negeri Kedah)

Penerima Bantuan Bekalan Makanan

Bantuan Bekalan Makanan adalah merupakan tanggungjawab Penolong Amil. Tugasan Penolong Amil yang dilantik di setiap kariah ialah bagi memastikan setiap penerima bantuan adalah layak untuk menerima bantuan. Terdapat dua golongan yang wajar menerima bantuan ini. Antaranya ialah fakir miskin yang menerima bantuan kewangan dan bekalan makanan LZNK secara bulanan. Pada tahun 2018, terdapat seramai 6,190 orang penerima bantuan bekalan makanan di Pusat Bekalan Makanan pada setiap bulan.

Berdasarkan kepada Jadual 3, daerah Baling mencatatkan bilangan penerima tertinggi sebanyak 1,980 orang, diikuti oleh Daerah Yan seramai 1,030. Manakala Daerah Bandar Baharu mempunyai seramai 480 orang penerima pada setiap bulan.

Jadual 3. Bilangan Penerima Pusat Bekalan Makanan Setiap Bulan

DAERAH	BILANGAN PENERIMA
Baling	1,980
Sik	900
Padang Terap	930
Yan	1,030
Bandar Baharu	480
Langkawi	870
Pokok Sena	930
Jumlah	7,120

(Sumber Jabatan Agihan, Lembaga Zakat Negeri Kedah)

Pengagihan Bekalan Makanan

Strategi pengagihan bekalan makanan adalah melalui kaedah kupon. Penolong Amil yang dilantik oleh LZNK akan mengeluarkan salinan kupon kepada masjid pada setiap bulan. Kupon tersebut akan diagihkan kepada golongan yang memerlukan mengikut pertimbangan Penolong Amil berdasarkan situasi semasa.

Seterusnya, bekalan makanan akan diedarkan kepada golongan yang memerlukan melalui pihak masjid. Pengagihan ini dilakukan selepas waktu solat. Hal ini adalah bertujuan untuk memupuk serta menarik minat golongan asnaf yang menerima bantuan agar menunaikan solat secara berjemaah di masjid. Kesannya dapat membentuk sikap mereka untuk lebih menjaga hubungan dengan Allah SWT dan masyarakat setempat.

KESIMPULAN

Perlaksanaan Pusat Bekalan Makanan ini merupakan salah satu langkah bagi memastikan akses golongan asnaf kepada makanan terjamin. Perlaksanaan Pusat Bekalan Makanan di masjid ini juga memberikan impak yang positif kepada masyarakat terutamanya golongan pembayar (*muzakki*) kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah. Hal ini dapat menangkis pandangan negatif masyarakat terhadap institusi zakat. Tambahan lagi, masyarakat sering membandingkan pengurusan zakat dengan rumah ibadat yang lain. Justeru, dengan penyediaan bekalan makanan ini dapat memupuk para pembayar lebih yakin untuk menyalurkan dana zakat kepada LZNK.

Selain itu, Pusat Bekalan Makanan memberi ruang kepada imam untuk mendidik golongan asnaf supaya datang ke masjid melalui jadual agihan bantuan makanan yang ditetapkan oleh

pihak masjid. Hal ini dapat melatih asnaf agar lebih mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT seterusnya menjadi rutin ke masjid untuk berjemaah.

Walaubagaimanapun, pemeraksanaan operasi Pusat Bekalan Makanan ini akan diteliti dari semasa ke semasa terutama penambahan dari segi jenis bekalan barangan makanan baharu yang diagihkan. Penambahan ini juga bergantung kepada peningkatan kutipan zakat semasa di Negeri Kedah Darul Aman bagi memastikan kesinambungan projek Pusat Bekalan Makanan ini dapat dijalankan secara berterusan. Justeru, diharapkan dengan perlaksanaan program ini mampu membawa nama institusi zakat di mata dunia.

RUJUKAN

- Abdul Halim, R. & Kamarulzaman, S. (2006). "Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-negara Islam" (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Kuala Lumpur, 14-16 September 2006).
- Al Shallabi, A.M (Terjemahan). (2010). Amirul Mukminin Umar Al Khattab Kepimpinan dan Kewibawaan. Kuala Lumpur : Pustaka As Shafa
- Al-Tabrani, S.A. 1894. Al-Mu'jam al-Saghir. Delhi: al-Matba'ah al-Ansari.
- Amy, S. (2005). Serving Up Charity: The Ottoman Public Kitchen, *Journal of Interdisciplinary History*, Vol. 35, No. 3, hh. 481-500.
- Ayalew, M. (1998). *Famine Early Warning System : Ethiopia*. Addis Abbaba : Mimeo.
- Chisholm, A & Rodyney T. (1982). *Food Security : Theory, Policy and Perspective From Asia and The Pacific Rim*. Toronto : Lexington Books.
- Ibn Kathir. (1994). *Tafsir Ibnu Katsir (Terjemahan)*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i
- Mahayudin, Y. (2003). *Tamadun Islam*. Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Paizah, I. (2003). *Keperluan Memahami Maqasid Al Syariah Dalam Membina Fiqh Semasa, Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003, Bangi, UKM*.
- Riches, G. (1986). *Food Bank and The Welfare Crisis*. Ottawa : The Canadian Council on Social Development.
- Utusan. (2016). *Elak Keciciran Agihan Zakat*. Dicapai pada 7 Januari 2018 di www.utusan.com.my